

JABATAN KERJA RAYA

PELANTIKAN KONTRAKTOR PAKAR SISTEM EXTRA LOW VOLTAGE (ELV)

(Untuk dipenuhi oleh Kontraktor Elektrik)

1.0 Syarat-Syarat Pelantikan

1.1 Perkara Am

Sekiranya Kontraktor Elektrik tidak memenuhi syarat-syarat yang ditandakan di perenggan 1.2 di bawah, Kontraktor Elektrik dikehendaki untuk melantik satu Kontraktor Pakar Sistem Extra Low Voltage (KELV) yang berkelayakan bagi kerja pemasangan sistem ELV dalam tendernya.

1.2 KELV yang dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah kategori dan pengkhususan yang ditandakan di bawah:

- E01 – Sistem Bunyi
- E02 – Sistem Pengawasan dan Keselamatan
- E06 – Sistem Pencahayaan Khas
- E14 – Kabel Rangkaian Komputer

Nota : Pegawai Menyedia Tender perlu tandakan pengkhususan yang berkaitan dengan skop kerja

- b) Pendaftaran masih lagi sah;
 - c) Berpengalaman dalam bidang kerja yang berkenaan;
 - d) Bebas daripada tindakan tatatertib dan undang-undang;
- 1.3 KELV yang dipersetujui oleh Jabatan Kerja Raya hendaklah menjalankan kerja-kerja pemasangan sistem ELV selaras dengan spesifikasi dan hendaklah mematuhi arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 1.4 Kontraktor Elektrik adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan KELV mematuhi tatacara kerja dan mengelakkan prestasi yang baik sepanjang kerja berjalan.
- 1.5 Jika didapati KELV dikenakan tindakan yang menyebabkan KELV tidak dapat menjalankan kerja-kerja dengan tekun dan teratur serta hilang kelayakan melalui peruntukan undang-undang ATAU mutu kerja yang dilaksanakan tidak memuaskan, Pegawai Pengguna / Wakil Pegawai Pengguna (WPP) Elektrik berhak menamatkan kerja KELV pada bila-bila masa dan seterusnya Kontraktor Elektrik hendaklah melantik KELV yang baru untuk meneruskan kerja TANPA TAMBAHAN KOS. Kelulusan pelantikan KELV yang baru adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengguna / Wakil Pegawai Pengguna (WPP) Elektrik berdasarkan syarat-syarat di perenggan 1.2.
- 1.6 Semua bahan dan peralatan yang digunakan untuk kerja pemasangan sistem ELV hendaklah mematuhi spesifikasi yang diluluskan oleh Jabatan Kerja Raya.

2.0 Perakuan Kontraktor Elektrik

- 2.1 Saya telah membaca dan memahami Bahagian 1.0 di atas dan bersetuju mematuhinya dan dengan ini melantik KELV tersebut di bawah untuk menjalankan kerja pemasangan sistem ELV bagi projek ini.

Saya juga memperakukan bahawa KELV yang dinamakan di bawah telah dimaklumkan mengenai projek ini serta syarat-syarat kontrak, penentuan, lukisan-lukisan berkenaan dan beliau telah bersetuju untuk menjalankan kerja ini sekiranya tender saya diterima kelak.

- a) Maklumat Rasmi KELV:

Tandatangan KELV :

Nama Penuh
(Penama dalam Sijil CIDB) :

Alamat Syarikat :

.....
.....
.....

Cop Rasmi Syarikat :

- b) Salinan Sijil Pendaftaran CIDB untuk Kontraktor Pakar Sistem Extra Low Voltage.

KEGAGALAN SAYA MENYERTAKAN SALINAN SIJIL-SIJIL TERSEBUT BOLEH MENYEBABKAN TENDER DITOLAK.

Tandatangan Kontraktor Elektrik :

Nama Penuh
(Penama dalam Sijil CIDB) :

Alamat Syarikat :

.....
.....
.....

Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh :